

TRC, CTC jadi medium kurangkan kes TB

Oleh NIK JASNI CHE JAAFAR
nikjasni.ub@gmail.com


TUBERCULOSIS (TB) adalah masalah kesihatan utama dunia dan melibatkan kira-kira dua bilion penduduk dengan Asia menyumbang 34 peratus kepada jumlah itu.

Malaysia diklasifikasikan berada di peringkat pertengahan dalam bebanan TB oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) manakala menurut laporan Kementerian Kesihatan,

meningkat, penubuhan Pusat Penyelidikan TB (TRC) dan Pusat TB Komuniti (CTC) dilihat mampu merealisasikan hasrat itu.

Kedua-dua pusat ini, adalah hasil kerjasama Universiti Malaysia Sabah (UMS), Zero Tuberculosis World iaitu sebuah badan bukan kerajaan (NGO) dari Korea Selatan dan turut mendapat sokongan Kementerian Kesihatan.

Penubuhan TRC bertujuan mengurangkan jangkitan, masalah




A person may contract pulmonary tuberculosis from inhaling droplets from a cough or sneeze by an infected person

Granuloma in lung tissue

©ADAM

MAKLUMAT... (Gambar Atas) Kesan TB kepada paru-paru. Manakala gambar rajah kiri pula menunjukkan simptom-simptom penyakit TB.



TB merupakan penyakit lazim kedua dalam kalangan rakyat negara ini.

Sabah pula menjadi negeri yang mempunyai notifikasi TB tertinggi di negara ini dengan nisbah kes kepada penduduk adalah 110:100,000.

Justeru, bagi memastikan jumlah tersebut tidak terus

kesihatan atau kematian akibat TB sekali gus mengelakkkan penyakit itu terus menjadi ancaman kepada masyarakat.

Antara objektif yang dicapai dengan jalinan kerjasama ini adalah pelaksanaan program dan kemudahan bagi penyakit TB di luar

bandar dan pedalaman, selain penjagaan TB untuk populasi yang berpindah-rendah.

Di samping itu, ia bermatlamat mempertingkat sistem penjagaan kesihatan berkaitan TB di negeri ini sekali gus dapat meningkatkan kemahiran

“ Sabah pula menjadi negeri yang mempunyai notifikasi TB tertinggi di negara ini dengan nisbah kes kepada penduduk adalah 110:100,000. Justeru, bagi memastikan jumlah tersebut tidak terus meningkat, penubuhan Pusat Penyelidikan TB (TRC) dan Pusat TB Komuniti (CTC) dilihat mampu merealisasikan hasrat itu. ”



KERJASAMA... Dr Sung Jin mewakili Zero TB manakala UMS diwakili oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan&Inovasi) Prof Dr Rosnah Ismail dalam upacara menandatangani dokumen kerjasama antara kedua-dua organisasi itu, kelmarin.

UB 11/01/2011/81

“ Malaysia diklasifikasikan berada di peringkat pertengahan dalam bebanan TB oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) manakala menurut laporan Kementerian Kesihatan, TB merupakan penyakit lazim kedua dalam kalangan rakyat negara ini. ”

kerjasama ini membolehkan mereka membantu Malaysia, terutamanya Sabah dalam mengurangkan jumlah kes TB di negeri ini.

Katanya, melalui penubuhan CTC yang berfungsi sebagai pusat sehenti untuk rawatan, kawalan dan pendidikan di kawasan luar bandar membolehkan pengumpulan maklumat dilaksanakan.

“ CTC menggunakan kemudahan dan peralatan yang disediakan oleh negara rakan kerjasama manakala Zero TB akan menyediakan peralatan lain sekiranya diperlukan,” katanya yang menjelaskan CTC berada di bawah UMS-TRC dan akan mengendalikan kajian berkaitan TB.

Jelas Dr Sung Jin, CTC

adalah sebahagian daripada projek penyelidikan dan berfungsi sebagai pencegahan, kawalan dan pusat pendidikan.

“ CTC akan dilengkapi kemudahan penyelidikan sebagai pilot project model,” katanya.

Beliau mengakui pusat ini memerlukan sokongan dan kerjasama daripada UMS dan kerajaan Sabah bagi memastikan peranan dan fungsinya dapat direalisasikan.


Sementara itu, Zero TB akan menyediakan bekalan ubat-ubatan kepada CTC melalui rundingan dengan jawatankuasa UMS-TRC merangkumi aspek pendidikan dan nasihat teknikal

Antara aktiviti utama CTC adalah program

pencegahan melalui suntikan vaksinasi BCG dan chemoprophylaxis, program carian kes TB secara aktif dan pasif, rawatan serta pengurusan pesakit berdaftar.

Terdapat dua model CTC iaitu Model 1 melibatkan bandaraya kecil dengan penduduk antara 100 ribu hingga 200 ribu dan Model 2 untuk bandar kecil dengan jumlah penduduk antara 50 ribu hingga 100 ribu.

Sempena kunjung rombongan Zero TB dari Korea itu, mereka turut melawat Institut Penyelidikan Bioteknologi dan Sekolah Perubatan di UMS selain Poliklinik UMS, Wad Respiratori Hospital Ratu Elizabeth (QEH) dan Pusat Rawatan TB Penampang.



BATUK... Gambar di atas menunjukkan gambaran percikan batuk individu yang menghidap TB.